



**JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR  
KENYATAAN TENDER**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berkaitan serta mempunyai kad pintar/token ePerolehan yang aktif bagi tawaran seperti berikut :-

TAJUK	NO.TENDER	KAEDAH PEROLEHAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENDAFTARAN
Membekal bahan makanan mentah basah & kering di Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat (HSNI), Johor (Bhg II – IV)	JKNJ/(P&A)/(S)/ (MKN HBP) 8/2015  Bidang 040101 (Bahan Mentah Basah & Kering)	Secara ePerolehan  Tarikh Tutup 6 Mac 2016 ( Ahad )	Tarikh : 14 Februari 2016 hingga 03 Mac 2016 Masa : Ahad hingga Rabu 08.30 pagi – 4.30 petang Khamis 8.30 pagi – 3.30 petang Tempat : * Telecenter (Unit Perolehan) JKN Johor * Telecenter (Unit Perolehan), HSNI Batu Pahat, Johor
Membekal bahan makanan mentah basah & kering di Hospital Permai, Johor Bahru, Johor (Bhg III – IV)	JKNJ/(P&A)/(S)/ (MKN HPERMAI) 10/2015  Bidang 040101 (Bahan Mentah Basah & Kering)	Secara ePerolehan  Tarikh Tutup 6 Mac 2016 ( Ahad )	Tarikh : 14 Februari 2016 hingga 03 Mac 2016 Masa : Ahad hingga Rabu 08.30 pagi – 4.30 petang Khamis 8.30 pagi – 3.30 petang Tempat : Telecenter (Unit Perolehan) JKN Johor

2. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran dan Sijil Taraf Bumiputra (jika ada) dari Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya beserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan)
3. Kehadiran pendaftaran adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk mendaftar tender ini akan menyebabkan tawaran tender ini **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Borang pendaftaran boleh diperolehi di laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my), perlu diisi butiran berkaitan dan diserahkan kepada urusetia yang bertugas (rujuk pejabat telecenter dalam jadual di atas) untuk pengesahan pendaftaran. Ini bagi membenarkan syarikat-syarikat mengakses maklumat di dalam sistem tersebut (*eP enable*). Bukti kehadiran adalah berdasarkan cop rasmi pengesahan dari jabatan ini.
4. Tawaran Kewangan dan Tawaran teknikal hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender **Jam 12.00 tengahari**, manakala dokumen manual/sokongan yang lain hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul yang berlainan serta dicatatkan **Nombor Cadangan Pembekal (Y025109990116xxxx)** dan **Nombor Tender (X025109990116xxxx)** pada penjurong atas sebelah kiri sampul surat bagi kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul besar dan dimasukkan ke dalam peti tender dan dialamatkan kepada :-

**Pengarah Kesihatan Negeri Johor  
Bahagian Pengurusan (Perolehan & Aset)  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Ayer Molek 80590 JOHOR BAHRU**

Tel. No : 07- 2231182 (Pn. Norizan) / 07- 2226008 (Pn. Siti Nur Aishah)

07-4363000(En. Noor Heshamuddin – HSNI Batu Pahat/Speks) / 07- 2311000(Pn. Rohana – H. Permai/Speks)  
(Pn. Faridah binti Shariff – HSNI Batu Pahat / Telecenter)

5. Pembekal boleh mengubah cadangan-cadangan yang dihantar secara atas talian (on-line) sebelum tarikh dan masa di tutup.
6. Jabatan Kesihatan Negeri Johor tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender. Semua perbelanjaan bersabit dengan Tender ini adalah tanggungjawab pembekal sendiri.

